

**WANITA DALAM NOVEL-NOVEL TERPILIH PRAMOEDYA
ANANTA TOER : SATU KAJIAN *SUBALTERN***

ABDUL JALIL BIN RAMLI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2014

**WANITA DALAM NOVEL-NOVEL TERPILIH PRAMOEDYA ANANTA
TOER : SATU KAJIAN *SUBALTERN***

Oleh

ABDUL JALIL BIN RAMLI

**Tesis ini diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

OGOS 2014

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Segala puji-pujian kepada-Nya, selawat dan salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. Setinggi-tinggi lafaz kesyukuran dipanjatkan kepada Allah s.w.t. kerana dengan izin dan rahmat dari-Nya, saya dapat menyiapkan tesis ini. Segala puji-pujian hanya untuk-Mu, Rabbul Alamin.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih ditujukan khas kepada Profesor Dr. Sohaimi Abdul Aziz selaku penyelia tesis ini. Keprihatinan dan kededikasian beliau memberi bimbingan dan tunjuk ajar serta kesabaran yang tinggi dalam menyelia, menegur dan membetulkan kesilapan dan kesalahan tanpa rasa jemu, serta curahan ilmu dan kritikan yang ikhlas dan berguna sepanjang menjadi pelajar kepada beliau amat dihargai. Hanya Allah jua yang menilai dan membalas segala budi baik dan jasa beliau dalam perkara tersebut. Semoga segala tunjuk ajar dan ilmu yang dicurahkan menjadi pedoman dalam meniti usia kehidupan ini.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) kerana memberi peluang kepada saya untuk mendapat cuti belajar bagi mengikuti pengajian ini. Juga terima kasih daun keladi kepada pensyarah-pensyarah Bahagian Kesusasteraan dan staf pentadbirannya di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan Institut Pengajian Siswazah yang sentiasa tersenyum menghulurkan bantuan yang dipinta (Prof. Dato' Seri Md. Salleh Yaapar, Prof. Madya Dr. Siti Hajar Che Man, Prof. Madya Dr. Jelani Harun, Dr. Mohd. Luthfi Abd. Rahman, Pn. Halizah Awang, Pn. Asmah Mansor, Pn. Siti Salmah Harun, En.

Roslan Yusoff dan lain-lain) . Semoga jasa dan bakti kalian diberkati dan dirahmati oleh Allah s.w.t. Terima kasih juga saya rakamkan kepada Dekan, Timbalan Dekan dan rakan-rakan di Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM), Universiti Malaysia Perlis atas sokongan, kerjasama dan bantuan yang diberikan khas, untuk Profesor Dr. Salleh Abd. Rashid, Prof. Madya Ku Halim Ku Ariffin , Dr. Hj. Huzili Hussin, Dr. Suhairimi Abdullah, Dr. Hanif Suhairi Abu Bakar, En. Rosman Ramli, En. Roseffendi Darus dan rakan-rakan yang lain seperti Dr. Rohaya Md. Ali (UUM), Asep Deni Saputra (Universitas Negeri Jakarta), Cikgu Norhisyam Baharom, Cikgu Rosnan Zahidin atas sokongan padu dan kata-kata semangat serta sumbangan idea kalian untuk menyempurnakan tesis ini.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih teristimewa buat insan-insan kesayangan; isteri, Zainab Ahmad, anakanda tercinta Hannan Najwa, Nurul'ain Faieqah, ayah dan ibu yang telah kembali kerahmahtullah; abang (Mokhtar, Abdul Rahman, Khalid, Samsuddin, Mahyuddin) dan kakak (Habsah, Salmah , Balkis) serta keluarga mertua yang diingati, anak-anak saudara Roslina Abdullah, Nurul Fazwan Khalid, Mohd. Sarom Mokhtar dan lain-lain. Jasa, budi dan kasih sayang daripada kalian dikenang buat selama-lamanya.

Akhir kata, sesungguhnya yang baik dan indah itu semuanya daripada Allah s.w.t. dan yang sebaliknya itu adalah daripada kekhilafan dan kealpaan diri. Semoga hasil kajian ini memberi manfaat kepada kehidupan sejagat.

ABDUL JALIL BIN RAMLI
Ogos 2014 / Ramadhan 1435H

SENARAI KANDUNGAN

HALAMAN

Penghargaan.....	ii
Senarai Kandungan.....	iv
Senarai Rajah.....	vii
Senarai Singkatan.....	viii
Abstrak.....	ix
Abstract.....	x

BAB SATU: PENGENALAN

1.0 Pendahuluan.....	1
1.1 Pemasalahan Kajian.....	3
1.2 Objektif Kajian.....	4
1.3 Kepentingan Kajian.....	5
1.4 Batasan Kajian.....	7
1.5 Sorotan Kajian.....	9
1.6 Metodologi Kajian.....	28
1.6.1 Kerangka Teori dan Konsep.....	28
1.6.2 Kaedah Kajian.....	34
1.6.2.1 Kaedah Kepustakaan.....	34
1.6.2.2 Kaedah Analisis Teks.....	35
1.7 Organisasi Tesis.....	35

BAB DUA : SUBALTERN : TEORI DAN KONSEP

2.0	Pendahuluan.....	38
2.1	Definisi <i>Subaltern</i>	38
2.2	Sejarah Kemunculan <i>Subaltern Studies</i>	44
2.3	Wanita <i>Subaltern</i> Dalam Konteks Feminisme.....	49
2.4	Wanita <i>Subaltern</i> dan Pernyaian.....	64
2.5	Wanita <i>Subaltern</i> , Wanita Dunia Ketiga dan Penjajahan.....	69
2.6	Kesimpulan.....	85

BAB TIGA : WANITA SUBALTERN DALAM SISTEM PATRIARKI

3.0	Pendahuluan.....	87
3.1	Wanita Sebagai Golongan <i>Subaltern</i>	88
3.2	Masyarakat Jawa Tradisional.....	92
3.2.1	Wanita Sebagai Anak.....	99
3.2.1.1	Sanikem Anak Kepada Sastrotoomo.....	99
3.2.1.2	Surati Anak Kepada Paiman.....	119
3.2.1.3	Siti Soendari.....	135
3.2.2	Wanita Sebagai Isteri.....	155
3.2.2.1	'Ibu' Isteri Kepada Sastrotoomo.....	157
3.2.2.2	Djumilah Isteri Kepada Paiman (Sastro Kassier).....	164
3.3	Kesimpulan.....	174

BAB EMPAT: WANITA *SUBALTERN* PADA ZAMAN PENJAJAHAN

4.0	Pendahuluan.....	177
4.1	Nyai Ontosoroh (Wanita Sebagai ‘Nyai’).....	186
4.2	Prinses Van Kasiruta (Wanita Sebagai Pejuang).....	246
4.3	Annelies Mellema (Wanita Sebagai Anak).....	274
4.4	Kesimpulan.....	295

BAB LIMA : KESIMPULAN

5.0	Pendahuluan.....	297
5.1	Wanita <i>Subaltern</i> Cuba Bersuara Tetapi Dibisukan.....	297
5.2	Rumusan.....	313

RUJUKAN.....	315
---------------------	------------

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	HALAMAN
Rajah 1	Kerangka Teori dan Konseptual	33

SENARAI SINGKATAN

Hlm	Halaman
H.B.S.	<i>(Dutch:Hogere Burger School)</i> - Pre-University
S.D.I.	Syarikat Dagang Islamiah
S.A.W.	<i>Sallallahualaihiwasallam</i>
S.W.T.	<i>Subhanahuwataala</i>

**WANITA DALAM NOVEL-NOVEL TERPILIH PRAMOEDYA ANANTA
TOER : SATU KAJIAN *SUBALTERN***

ABSTRAK

Wanita mendapat tempat dalam novel-novel Pramoedya Ananta Toer. Keberadaan wanita-wanita ini terdapat dalam dua keadaan, iaitu dalam sistem patriarki dan penjajah. Bagaimanakah status wanita-wanita dalam kedua-dua masyarakat ini? Adakah mereka terpinggir atau berada dalam kedudukan yang utama? Jika wanita-wanita tersebut terpinggir, apakah reaksi keterpinggiran mereka itu? Apakah tindakan golongan patriarki dan penjajah terhadap wanita terpinggir jika mereka menentangnya? Berasaskan kepada permasalahan-permasalahan ini, kajian ini mempunyai empat objektif yang berhubungan iaitu, pertama; mengenal pasti wanita *subaltern*. Kedua; menganalisis reaksi wanita *subaltern* terhadap kekuasaan lelaki dan penjajah terhadap mereka. Ketiga; meneliti reaksi golongan lelaki dan penjajah terhadap penentangan wanita *subaltern* ini. Keempat: mengkaji Pramoedya Ananta Toer sebagai representasi wanita *subaltern*. Bagi mencapai objektif kajian ini, maka kajian *subaltern* yang diperluaskan konsepnya oleh Gayatri Chakravorty Spivak akan digunakan. Selain itu, kaedah analisis teks turut digunakan untuk meneliti novel *Bumi Manusia*, *Anak Semua Bangsa*, *Jejak Langkah* dan *Rumah Kaca* yang juga dikenali sebagai tetralogi Buru karya Pramoedya Ananta Toer. Kajian ini mendapati wanita-wanita dalam novel-novel yang dikaji merupakan wanita *subaltern* seperti yang digarap oleh Spivak yang dinafikan hak-hak mereka. Wanita-wanita ini cuba menentang pihak yang meminggirkan mereka dengan beberapa cara tetapi tentangan mereka tidak dipedulikan. Suara-suara penentangan mereka dibisukan oleh pihak yang berkuasa, iaitu lelaki dan penjajah.

WOMEN IN SELECTED NOVELS OF PRAMOEDYA ANANTA TOER: A SUBALTERN STUDY

ABSTRACT

Women portrayals are evident in Pramoedya Ananta Toer's novels. The existence of these women are often showcased in two conditions, namely in the patriarchal and colonial societies. Among the issues highlighted is the argument about the status of women in these two communities. Are they isolated or are they in a prime position? If women are marginalized, how do they react to this situation? What are the actions taken by both societies when these women defy them? Based on these problems, this study aims to answer four related objectives: to identify subaltern women, to analyze the subaltern women's reactions against men's and colonial's domination towards them, to examine the reactions of the men and the colonial towards subaltern women's resistance and to study Pramoedya Ananta Toer herself as the representative of subaltern women. This concept was later expended by Gayatri Chakravorty Spivak was used to achieve these objectives. Text analysis was used to examine the titles by Pramoedya Ananta Toer which includes *Bumi Manusia*, *Anak Semua Bangsa*, *Jejak Langkah* and *Rumah Kaca*. These titles were compiled in *tetralogi Buru*. Thus, this study had acknowledged the characters portrayed in these novels were indeed of subaltern women similar to Spivak's findings who have been deprived from their rights. These women tried to withstand those who had marginalized them through several ways but their resistance was ignored. Their voices were muted by the authorities; consist of men and the colonists.

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Asas kehidupan dalam masyarakat berhierarki memperlihatkan wujudnya dua pihak utama iaitu, golongan yang berada di atas dan juga golongan yang berada di bawah. Lazimnya, golongan yang berada pada kedudukan bawah ini seringkali ditindas dan dipinggirkan dalam banyak aspek kehidupan oleh mereka yang berkuasa. Berbeza dengan golongan yang berada pada kedudukan di atas, golongan ini sentiasa dimonopoli oleh kelompok yang berkuasa. Situasi ini dapat dilihat dengan jelas dalam sistem masyarakat kolonial dan masyarakat patriarki. Corak kehidupan bagi kedua-dua buah masyarakat ini memperlihatkan suatu keadaan golongan yang berada di bawah telah dipinggirkan.

Selain itu, golongan di bawah yang seringkali terjajah ini akan dipinggirkan oleh pihak penjajah, manakala golongan wanita pula seringkali menjadi mangsa penindasan dan dipinggirkan oleh golongan lelaki dan juga penjajah. Situasi wanita ditindas dan dipinggirkan oleh lelaki dan penjajah ini ditonjolkan dengan jelas dalam novel-novel karya Pramoedya Ananta Toer. Dipinggirkan bermaksud hak mereka sebagai wanita telah dinafikan. Antaranya, hak mereka untuk memberi pandangan, memilih jodoh, mendapat pendidikan yang sewajarnya, dihormati dan sebagainya.

Dengan munculnya pengarang hebat seperti Pramoedya Ananta Toer yang telah melahirkan pelbagai karya kesusasteraan yang penuh dengan falsafah perjuangan, kemanusiaan, sejarah dan sebagainya yang begitu bermutu dan luar biasa penghasilannya telah menjadikan kajian terhadap karya-karya beliau sebagai sesuatu yang sangat menarik untuk diteliti. Pramoedya Ananta Toer telah memperlihatkan sifat kejujuran dan keikhlasannya serta keberanian untuk memperjuangkan persoalan ketidakadilan dan kesengsaraan bangsa khususnya anak watan (wanita) dan wanita itu sendiri yang masih ditindas oleh golongan elit dan kolonial serta terperangkap di bawah kekuasaan patriarki. Keadaan ini telah menjadi suatu motivasi dan rangsangan utama kepada Pramoedya Ananta Toer untuk menghasilkan karya-karya sasteranya bagi menyuarakan dan menyampaikan mesejnya itu kepada masyarakat. Menurut Astbury (1981), situasi yang berlaku dalam masyarakat kolonial dan patriarki ini telah mendorong Pramoedya Ananta Toer mengangkat golongan wanita sebagai “the central character” dalam beberapa novel beliau kerana berpendapat golongan wanita Indonesia telah lama dipinggirkan.

Golongan wanita yang terpinggir daripada menikmati hak-hak mereka sebagai manusia dan wanita dikenali sebagai wanita *subaltern*. Dengan kuasa yang dimiliki oleh lelaki dan penjajah, golongan wanita dipinggirkan atau disisihkan daripada arus utama masyarakat. Golongan *subaltern* ini sama ada golongan yang dijajah atau wanita mendapat perhatian pengarang sastera dengan pelbagai sudut pandangan. Bagaimanakah Pramoedya Ananta Toer menangani permasalahan golongan *subaltern* ini? Hal ini sangat menarik untuk dikaji. Novel-novel Pramoedya Ananta Toer seperti *Bumi Manusia* (2005), *Anak Semua Bangsa* (2006), *Jejak Langkah*

(2006), dan *Rumah Kaca* (2006) yang dikenali sebagai tetralogi Buru, adalah karya-karya yang akan dikaji dalam tesis ini dengan menggunakan kajian *subaltern* yang dipopularkan oleh Gayatri Chakravorty Spivak (1988) melalui esainya yang terkenal iaitu, "Can the Subaltern Speak?". Dalam hal ini, kajian *subaltern* ini dilihat begitu sesuai dan menarik bagi meneroka serta merungkai persoalan golongan wanita yang terpinggir, dipinggirkan, ditindas, dan dinafikan segala haknya sama ada sebagai peribumi (wanita) ataupun sebagai wanita itu sendiri dalam tetralogi Buru tersebut.

1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Pramoedya Ananta Toer merupakan pengarang yang simpati dengan masyarakat Indonesia yang terbelenggu oleh penjajah Belanda yang berkuasa. Pada waktu yang sama, Pramoedya Ananta Toer tinggal dalam masyarakat patriarki yang diperintah oleh lelaki yang juga berkuasa. Dalam kedua-dua jenis masyarakat ini, wanita tersisih oleh kuasa lelaki dan penjajah. Namun, Pramoedya Ananta Toer cenderung untuk mengambil wanita sebagai watak-watak dalam novel-novelnya.

Wanita dalam novel-novel Pramoedya Ananta Toer seperti Nyai Ontosoroh, Surati, Siti Soendari, Annelies Mellema, Prinses Van Kasiruta dan ramai lagi dianggap sebagai wanita yang berjaya. Pramoedya Ananta Toer memaparkan watak-watak wanita yang berhati waja malahan wanita-wanita tersebut juga berupaya memainkan peranan yang penting sesuai dengan suasana masyarakat pada zaman tersebut bahkan mengatasi peranan lelaki (Novita Dewi,2013:1). Sebenarnya, hakikat ini

tidak dapat dipertahankan kerana watak-watak wanita tersebut akhirnya tewas kepada dominasi kekuasaan lelaki dan penjajah yang begitu kuat menghegemoni wanita pada zaman tersebut.

Hal ini menimbulkan beberapa persoalan yang berkaitan. Adakah wanita-wanita yang digarapkan oleh Pramoedya Ananta Toer seperti Nyai Ontosoroh dapat dianggap sebagai wanita *subaltern*? Apakah wanita-wanita *subaltern* ini menerima sahaja keadaan yang menguasai mereka? Adakah watak seperti Nyai Ontosoroh berdiam diri apabila dirinya dijual oleh ayahnya? Adakah wanita-wanita karangan Pramoedya Ananta Toer menerima sahaja cengkaman penjajah? Apakah reaksi lelaki dan penjajah apabila wanita-wanita ini menentang mereka dengan cara-cara wanita? Adakah Pramoedya Ananta Toer sendiri merupakan representasi kepada wanita-wanita dalam novel-novelnya. Adakah representasi ini diterima dalam kajian *subaltern* sebagai suara-suara wanita *subaltern*? Persoalan-persoalan ini menjadi satu daya pergerakan atau satu lompang penyelidikan yang perlu diisi.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini adalah berdasarkan kepada objektif-objektif berikut:

- 1.2.1 Mengetahui pasti wanita-wanita dalam sistem patriarki dan penjajah untuk menemukan wanita *subaltern*.
- 1.2.2 Menganalisis reaksi wanita *subaltern* ini terhadap kekuasaan lelaki dan penjajah.

1.2.3 Membincangkan reaksi golongan lelaki dan penjajah terhadap penentangan wanita *subaltern* dan kesannya ke atas wanita berkenaan.

1.2.4 Mengkaji Pramoedya Ananta Toer sebagai representasi wanita *subaltern*.

1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian *subaltern* ini memainkan peranan penting bagi meneliti kedudukan golongan wanita dalam sistem patriarki dan penjajah. Kedua-dua jenis masyarakat ini memperlihatkan adanya unsur hegemoni. Dalam sistem patriarki, kekuasaan mutlak adalah pada kaum lelaki. Golongan wanita tersisih daripada golongan yang berkuasa iaitu lelaki. Kedudukan wanita telah dipinggirkan oleh kekuasaan lelaki. Oleh itu, suara mereka tidak didengari dan jika bersuara sekalipun, suara tersebut tidak diambil peduli oleh golongan lelaki.

Begitu juga dengan kedudukan wanita sebagai golongan *subaltern* pada zaman penjajahan. Dalam sistem penjajah, kuasa berpusat kepada penjajah. Manakala anak watan (peribumi), sama ada wanita atau lelaki akan dipinggirkan. Wanita pada zaman ini telah ditindas oleh penjajah dalam semua hal, malahan wanita tersebut telah dieksploitasi kehidupannya sehinggakan ada yang dijadikan sebagai hamba seks kepada golongan penjajah. Kedudukan wanita *subaltern* ini lebih malang lagi kerana mereka bukan sahaja ditindas oleh lelaki tetapi dalam masa yang sama juga telah dipinggirkan oleh penjajah yang kebetulan juga adalah lelaki. Oleh itu wanita

tersebut telah mengalami beban dan penindasan yang berganda dalam hidup mereka.

Kajian ini dapat memperlihatkan kedudukan wanita yang terpinggir itu mempunyai hak untuk bersuara. Kajian ini juga menunjukkan betapa berkuasanya golongan lelaki dan penjajah ke atas wanita. Sungguhpun wanita yang mempunyai asas-asas yang sama seperti lelaki iaitu berkebolehan seperti lelaki sebagaimana yang diperlihatkan oleh watak Nyai Ontosoroh, Siti Soendari, Prinses Van Kasiruta dan lain-lain namun golongan wanita ini ditekan dan dinafikan hak-haknya. Lelaki dan penjajah tidak peduli tentang suara perjuangan wanita.

Kajian *subaltern* merupakan satu kajian yang masih baru di negara ini. Oleh yang demikian, kajian ini memberi sumbangan yang besar khususnya dalam penelitian novel-novel Pramoedya Ananta Toer.

Walaupun Pramoedya Ananta Toer adalah seorang pengarang hebat dan novel-novel beliau begitu banyak diperkatakan oleh para sarjana tempatan mahupun antara bangsa, namun kajian khusus untuk memperkatakan tentang kajian *subaltern* ini adalah sesuatu yang baru dan dengan itu adalah diharapkan kajian ini dapat membuka lembaran baru dalam dunia penelitian sastera khususnya dalam memperkatakan golongan wanita *subaltern* dalam novel-novel Pramoedya Ananta Toer.

Selain dimensi feminisme, kajian ini juga penting kepada kajian pascakolonial berdasarkan bahawa kajian *subaltern* itu sendiri merupakan sebahagian daripada cabang dalam kajian pascakolonial. Dengan kata lain, kajian *subaltern* memberi sumbangan besar kepada penelitian feminisme dan pascakolonial dalam konteks novel-novel Pramoedya Ananta Toer dalam memperlihatkan wujudnya hubungan antara kedua-dua penelitian ini.

1.4 BATASAN KAJIAN

Kajian ini akan memberikan tumpuan khusus kepada empat (4) buah novel terpilih hasil tulisan pengarang tersohor Indonesia iaitu Pramoedya Ananta Toer. Novel-novel tersebut ialah *Bumi Manusia* (2005), *Anak Semua Bangsa* (2006), *Jejak Langkah* (2006) dan *Rumah Kaca* (2006). Novel-novel tersebut juga dikenali sebagai tetralogi Buru.

Pemilihan teks tetralogi Buru sebagai teks kajian adalah kerana novel-novel tersebut merupakan karya terbaik Pramoedya Ananta Toer yang telah mendapat pengiktirafan di peringkat antara bangsa dan telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa. Kehebatan karya beliau dapat dilihat dengan jelas apabila karya-karya tersebut (tetralogi Buru) bukan sahaja ditulis dalam bahasa Indonesia malah telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa asing yang lain sehingga mencecah 41 bahasa asing. Novel-novel dalam tetralogi Buru juga telah mengangkat nama Pramoedya Ananta Toer sebagai antara tokoh pengarang terkemuka Indonesia Teeuw (1980:242). Hal ini merupakan suatu anugerah hebat yang diperolehi

sehingga beliau diletakkan pada satu aras yang lain daripada kelompok pengarang lain pada zamannya. Keadaan ini menunjukkan bagaimana tingginya pengiktirafan yang diberikan oleh masyarakat terhadap sumbangan besar beliau dalam bidang sastera.

Selain itu, tetralogi Buru yang dihasilkan oleh Pramoedya Ananta Toer telah berjaya menarik tumpuan pembaca daripada pelbagai golongan masyarakat bukan sahaja di Indonesia malah tersebar ke negara jiran seperti Malaysia dan juga negara-negara lain. Untuk meneliti kehebatan watak-watak wanitanya, kajian ini akan mengkaji semula tanggapan tersebut. Sehubungan itu pemilihan tetralogi Buru tidak dapat dielakkan.

Dalam empat buah novel bersiri tersebut yang diilhamkan semasa beliau ditahan di Pulau Buru, Pramoedya Ananta Toer telah memberikan gambaran sebenar mengenai bagaimana wanita telah ditindas, dipinggirkan serta dieksploitasi oleh golongan yang berkuasa.

Watak-watak wanita dalam novel tersebut berjaya digarap dengan baik sebagai simbol perjuangan golongan rakyat terpinggir atau *subaltern* bagi mengetengahkan 'suara' mereka yang seringkali tidak dihiraukan selama ini. Malahan golongan *subaltern* ini sudah dibisukan oleh lelaki dan pihak penjajah bagi menyuarakan segala penentangan tersebut telah diberi ruang untuk bersuara.

Selain itu, kajian ini juga hanya akan memberikan fokus kepada watak-watak wanita dalam novel-novel tersebut. Penelitian akan dilihat terhadap watak-watak wanita tersebut kerana mereka merupakan golongan yang terpinggir dalam kedua-dua keadaan, iaitu patriarki dan kolonial. Dengan kata lain, novel-novel daripada tetralogi Buru merupakan novel-novel yang dapat merakamkan cerita dalam dua situasi dalam satu masa yang sama.

1.5 SOROTAN KAJIAN

Pramoedya Ananta Toer adalah pengarang besar di Indonesia. Novel-novel beliau telah mendapat perhatian meluas para pengkaji di Malaysia, Indonesia dan di tempat-tempat lain. Namun kajian tentang wanita dan sastera menggunakan kajian *subaltern* masih tidak banyak dilakukan baik di Malaysia mahupun di Indonesia. Walau bagaimanapun, beberapa kajian ilmiah yang telah dilakukan terhadap karya-karya Pramoedya Ananta Toer ini boleh dijadikan sebagai asas penting dalam penerokaan kajian seterusnya terhadap persoalan wanita terpinggir oleh kekuasaan lelaki dan penjajah. Pada peringkat awal, kajian terhadap karya-karya Pramoedya Ananta Toer banyak berkisar mengenai tema dan persoalan, namun kajian mengenai feminisme menjadi semakin popular selepas itu. Bagaimanapun tidak terdapat kajian khusus menggunakan kajian *subaltern* terhadap karya-karya beliau.

Razif Bahari (2007) telah menghasilkan sebuah buku tentang novel-novel Pramoedya Ananta Toer yang bertajuk, *Pramoedya Postcolonially : (Re-) Viewing*

History, Gender and Identity in the Buru tetralogy. Fokus utama dalam buku ini lebih terarah kepada tetralogi Buru iaitu, *Bumi Manusia*, *Anak Semua Bangsa*, *Jejak Langkah* dan *Rumah Kaca*. Selain itu, buku ini turut mengimbas semula beberapa aspek penting semasa zaman pasca penjajah seperti sejarah, gender dan identiti bagi golongan yang terpinggir. Dalam buku tersebut juga, penulis melihat bagaimana Pramoedya Ananta Toer mengupas isu-isu dan persoalan seperti pembinaan sesebuah negara, sejarah dan pembentukan jati diri bangsa Indonesia, perkembangan budaya, gender, pengkelasan sosial dan lain-lain lagi dalam karya beliau. Walaupun buku ini turut memperkatakan tentang pascakolonial dan gender, namun perbincangan beliau terhadap golongan terpinggir agak terbatas dan bukan di dalam konteks kajian *subaltern*.

Selain itu, terdapat juga beberapa buah buku yang dihasilkan bagi membicarakan novel-novel Pramoedya Ananta Toer seperti, *Citra Manusia Indonesia dalam Karya Sastra Pramoedya Ananta Toer* karangan Teeuw (1997). Buku ini menonjolkan kelebihan diri Pramoedya Ananta Toer sebagai seorang pengarang yang banyak mengetengahkan tentang kehidupan yang dilalui oleh masyarakat dalam beberapa karya utama beliau. Antaranya ialah *Keluarga Gerilya*, *Perburuan*, *Pertjikan Revolusi*, *Tjerita dari Blora*, *Gadis Pantai*, *Arus Balik*, *Bumi Manusia*, *Anak Semua Bangsa*, *Jejak Langkah*, *Rumah Kaca* dan sebagainya. Teeuw (1997) menjelaskan, semua karya sastera karangan Pramoedya Ananta Toer dihasilkan atas garapan yang cukup hebat. Gabungan antara kisah sebenar kehidupan beliau, pandangan masyarakat di sekeliling beliau serta masyarakat Indonesia keseluruhannya dan juga realiti yang berlaku dari sudut sejarah meletakkan karya beliau pada satu aras yang

cukup tinggi. Suatu kenyataan yang tidak dapat disangkal lagi bahawa Pramoedya Ananta Toer bijak menghasilkan karyanya melalui gabungan unsur penting iaitu realiti sebenar yang berlaku dan daya kreativiti beliau. Keadaan ini dapat dilihat dalam karya beliau yang tidak memisahkan antara dirinya sebagai manusia yang menjalani kehidupan biasa dan dirinya sebagai seorang pengarang. Walaupun buku Teeuw ini berkisar tentang permasalahan kepengarangan Pramoedya Ananta Toer, namun kupasan beliau tidak pula menjurus kepada kajian golongan terpinggir atau *subaltern* seperti yang digarap oleh Spivak.

Seorang sarjana dari Korea, Koh Young Hoon (1996) dalam kajian disertasi, yang kemudiannya diterbitkan dalam bentuk buku yang bertajuk, *Pemikiran Pramoedya Ananta Toer dalam Novel-novel Mutakhir*. Kajian yang dilakukan oleh beliau ke atas novel-novel Pramoedya Ananta Toer ini menggunakan kaedah ekstrinsik secara umumnya dan sosiologi sastera khususnya serta pendekatan kemasyarakatan. Kajian tersebut menekankan kepada aspek pemikiran tersirat dalam diri Pramoedya Ananta Toer yang ditonjolkan melalui tetralogi Buru iaitu *Bumi Manusia*. Antara aspek yang diberi penekanan ialah bentuk pemberontakan, nilai warisan kebudayaan dan pandangan terhadap unsur nasionalisme dan humanisme yang cuba ditonjolkan oleh pengarang. Selain itu, beliau turut mengemukakan sebab dan punca bagaimana beberapa karya yang dihasilkan seperti *Bumi Manusia*, *Anak Semua Bangsa*, *Jejak Langkah* dan *Rumah Kaca* berjaya mengangkat kredibiliti dan keistimewaan Pramoedya Ananta Toer.

Walaupun beliau mengkaji pemikiran Pramoedya Ananta Toer dalam tetralogi Buru itu, namun kajiannya tidak mengkhusus kepada pendekatan *subaltern* iaitu melihat orang terpinggir yang merangkumi golongan yang dijajah sama ada anak watan dan wanita yang tertindas. Kajian beliau tidak merungkai secara tuntas permasalahan wanita yang ditindas sebagaimana yang dialami oleh golongan wanita *subaltern*.

Eka Kurniawan (1999) dalam bukunya bertajuk, *Pramoedya Ananta Toer dan Sastra Realisme Sosialis*, menunjukkan bagaimana karya-karya sastera dijadikan medium mengetengahkan falsafah dan prinsip perjuangan oleh Pramoedya Ananta Toer. Perjuangan ini telah sebatikan dalam diri Pramoedya Ananta Toer seperti yang selalu ditonjolkan beliau iaitu bagi membela nasib anak bangsa yang tertindas dan terpinggir dalam kehidupan akibat kerakusan dan ketidakadilan pihak pemerintah dan penjajah. Pada masa yang sama, beliau turut berpandangan bahawa corak pemikiran sosialis Pramoedya Ananta Toer tidak hanya bergantung kepada sumber teori yang diadaptasi daripada corak pemikiran pihak lain tetapi ia juga terhasil melalui pengalaman getir yang ditempuh oleh Pramoedya Ananta Toer dalam sejarah kehidupannya yang sebenar. Keadaan ini telah berjaya menjadikan setiap karya yang dihasilkan oleh Pramoedya Ananta Toer kelihatan begitu realistik dan dekat di hati masyarakat pada masa tersebut. Selain itu, beliau juga tidak pernah melihat Pramoedya Ananta Toer mengasingkan antara politik dan sastera dalam karyanya sebaliknya sastera digunakan sebagai senjata dalam dunia politik bagi membela nasib golongan yang seringkali ditindas seperti buruh, petani dan wanita. Tegasnya, pengarang buku ini tidak menggunakan kajian *subaltern* dalam

memperkirakan tentang perjuangan Pramoedya Ananta Toer terhadap golongan yang tertindas.

Daniel Mahendra (2004), dalam buku yang berjudul, *Pramoedya Ananta Toer dan Manifestasi Karya Sastra*, membicarakan bagaimana Pramoedya Ananta Toer menyentuh tentang isu kemanusiaan dalam novel *Bumi Manusia*. Novel ini telah membangkitkan sentimen serta susur galur perjuangan anak bangsa dan telah lama ditindas dan dipinggirkan oleh pihak penjajah serta tidak menikmati keadilan seperti mana yang berhak dinikmati mereka di bumi mereka sendiri. Ini dapat dilihat melalui watak Minke yang merupakan teraju utama dalam novel tersebut tetapi kelihatan sangat kerdil di mata penjajah. Walaupun dalam novel tersebut digambarkan watak Minke sebagai anak muda yang lebih mengagumi ketamadunan dunia barat pada peringkat permulaan tetapi beralih arah dengan menyanjungi kehebatan dan kekentalan tokoh tempatan iaitu Nyai Ontosoroh yang berjuang mempertahankan nasib golongan yang terpinggir. Pada dasarnya, Pramoedya Ananta Toer mengakui kekentalan prinsip perjuangan dan penjajahan Barat yang tidak pernah mengiktiraf masyarakat dunia lain setanding bangsa mereka yang dilihat mempunyai ketamadunan yang cukup tinggi. Menurut Daniel Mahendra juga, watak-watak utama seperti Minke dan Nyai Ontosoroh ditonjolkan dengan kesungguhan dalam berjuang membela nasib golongan bawahan agar tidak terus dipinggirkan di tanah air mereka sendiri. Namun buku ini tidak merungkai secara khusus pendekatan *subaltern* dalam memperkatakan tentang persoalan-persoalan orang terpinggir tersebut. Bahkan tesis ini akan cuba menafikan tema dan persoalan yang dikemukakan.

Nur'Ainy Ali (1999) dalam tesis sarjana dan kemudian dibukukan yang bertajuk *Pramoedya Ananta Toer: Selected Early Works 1949-1952 an Interpretative Study*, membincangkan tentang karya-karya yang telah dihasilkan oleh Pramoedya Ananta Toer sepanjang tempoh masa tersebut. Melalui kajian yang dijalankan itu, beliau mendapati Pramoedya Ananta Toer dalam penulisannya memberikan tumpuan utama terhadap persoalan-persoalan yang berkaitan dengan kesengsaraan fizikal, mental dan batin yang terpaksa ditempuh oleh setiap tokoh dalam novel karangannya terutama semasa era revolusi. Perkara tersebut dapat dilihat dengan jelas dalam novel-novel seperti *Cerita Dari Blora*, *Subuh*, *Bukan Pasar Malam*, *Keluarga Gerilya*, *Perburuan* dan lain-lain lagi. Berdasarkan pengamatan beliau dalam kajian tersebut, beliau mendapati bahawa penderitaan yang dialami oleh tokoh-tokoh dalam novel tersebut merupakan kisah sebenar pengarang sendiri dan Pramoedya Ananta Toer menjadikan penulisannya itu sebagai wadah untuk menzhahirkan nasib yang dialaminya itu. Namun kisah penderitaan, kesengsaraan dan keterpinggiran tersebut tidak dilihat oleh pengkaji berdasarkan pandangan kajian *subaltern*.

Azman Ismail (2001), dalam kajian bertajuk “Teori Strukturalisme Genetik: Penerapan Terhadap Novel-novel Pramoedya Ananta Toer”, memperlihatkan bahawa unsur sejarah merupakan suatu medium perjuangan bagi membangunkan sebuah wacana baru dalam masyarakat yang selama ini telah sehati dengan bentuk wacana lain yang lebih kukuh. Kajian ini menggunakan teori Strukturalisme Genetik dan Pramoedya Ananta Toer telah melakukan proses interpretasi semula terhadap sejarah penjajahan Belanda melalui karya yang dihasilkan dengan memasukkan

lebih banyak nilai kemanusiaan bagi meningkatkan martabat bangsanya dan pada masa sama mengkritik penjajahan Belanda. Bagaimanapun kajian tersebut hanya menggunakan teori Strukturalisme Genetik dalam melihat persoalan-persoalan yang ditimbulkan itu dan tidak memberikan tumpuan terhadap kajian wanita yang dipinggirkan.

Mrazek (2000), dalam buku yang bertajuk *Pramoedya Ananta Toer dan Kenangan Buru*, memberi tumpuan kepada sejarah kehidupan dan pengalaman Pramoedya Ananta Toer ketika di tahan lebih daripada sepuluh tahun (Ogos 1969 hingga November 1979) lamanya di Pulau Buru. Dalam tempoh masa yang agak panjang tersebut, Pramoedya Ananta Toer mengambil kesempatan untuk menghasilkan (secara lisan dan diceritakan kepada rakan-rakan dalam tahanan) beberapa novel hebat seperti *Bumi Manusia*, *Jejak Langkah*, *Anak Semua Bangsa*, *Rumah Kaca* dan beberapa catatan peribadi beliau yang boleh dikongsikan bersama dengan pembaca. Bagi penulis buku ini sendiri, beliau telah berjaya mengumpulkan dan menyetengahkan kenangan dan pengalaman Pramoedya Ananta Toer semasa berada di Pulau Buru. Walaupun buku ini telah banyak membincangkan mengenai pengalaman peribadi, catatan, surat-surat dan sebagainya yang telah dihasilkan oleh Pramoedya Ananta Toer namun kajian yang dilakukan oleh penulis buku ini tidak membincangkan tokoh-tokoh wanita yang dipinggirkan oleh kekuasaan lelaki dan penjajah dalam konteks kajian *subaltern*.

Salbiah Ani (2006), dalam kajian yang berjudul “Karya Pramoedya Ananta Toer : Tokoh Legenda Sastera Indonesia– Kontroversi Tidak Berkesudahan”, berpendapat

bahawa Pramoedya Ananta Toer sebagai seorang tokoh pengarang yang tidak pernah lekang dari kontroversi dalam sejarah kesusasteraan Indonesia. Walau bagaimanapun, di sebalik kontroversi yang menimpa beliau, Pramoedya Ananta Toer tetap konsisten dalam mengetengahkan karya-karya yang hebat melalui penulisan kreatif dan kritis beliau terutama dalam menelusuri susur galur sejarah politik Indonesia dari sudut pandangan golongan peribumi. Menerusi kajian ini, penulis merumuskan bahawa Pramoedya Ananta Toer telah diiktiraf sebagai antara tokoh pengarang disegani dengan karya-karya hebatnya walaupun sentiasa dihambat dengan kontroversi. Menurut penulis lagi, kontroversi demi kontroversi yang dilalui oleh Pramoedya Ananta Toer, hakikatnya menguntungkan beliau kerana namanya semakin terserlah di mata dunia. Walaupun menurut penulis karya-karya Pramoedya Ananta Toer membawa persoalan perjuangan golongan yang ditindas serta berunsur sejarah yang ditulis berdasarkan sudut pandangan golongan yang ditindas namun kajian tersebut tidak membincangkan persoalan wanita *subaltern*.

Manakala Jamirin Sahamin (1990), dalam kajian “Gadis Pantai Sebagai Sebuah Karya Sastera dan Dokumen Masyarakat: Satu Tinjauan”, mendapati bahawa terdapat persamaan yang jelas antara peristiwa sebenar yang terjadi dalam sejarah Indonesia khususnya di Pulau Jawa dengan persoalan-persoalan yang diutarakan oleh Pramoedya Ananta Toer dalam novel *Gadis Pantai*. Kajian ini turut menjelaskan bahawa novel *Gadis Pantai* merupakan antara karya terbaik yang mengangkat tema dan perjuangan masyarakat di Indonesia yang telah ditindas dan dipinggirkan pada masa dahulu. Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh beliau ini tidak menyentuh mengenai golongan masyarakat tertindas dari sudut

pandangan *subaltern* yang lebih memfokuskan kepada permasalahan golongan terpinggir yang terdiri daripada kelompok bangsa peribumi dan wanita.

Kajian oleh Sohaimi Abdul Aziz (2006) bertajuk “Memikir Semula Kolonialisme dalam Arus Balik: Satu Bacaan Oksidentalistik”, membincangkan bagaimana pendirian Pramoedya Ananta Toer yang konsisten mengetengahkan unsur sejarah sebagai teras utama dalam karyanya kerana menganggap unsur sejarah sebagai suatu elemen cukup bernilai. Pramoedya Ananta Toer menonjolkan konsep ‘*oksidentialisme*’ dalam novel *Arus Balik*. Konsep ini berpaksikan kepada keinginan mengangkat martabat bangsa Timur dan meletakkan bangsa Barat sebagai bangsa yang penuh dengan kekurangan dan unsur negatif. Kajian ini menjelaskan tentang pandangan Pramoedya Ananta Toer yang diselitkan dalam novel tersebut bahawa bangsa Barat atau Eropah bukanlah sebuah bangsa yang sehebat seperti tanggapan ramai pihak. Kekalahan masyarakat Timur di tangan Barat bukan bermakna masyarakat Timur itu lemah tetapi kerana rasa rendah diri dan jiwa serta tidak mahu mengambil iktibar atas kegemilangan sejarah masa silam. Kajian ini juga turut menekankan bahawa karya-karya sejarah yang telah dihasilkan oleh Pramoedya Ananta Toer jelas menonjolkan jiwa beliau sebagai tokoh pengarang yang tebal dengan kesedaran sejarah. Namun konsep ‘*oksidentialisme*’ yang digunakan penulis tidak mensasarkan golongan wanita *subaltern* sebagai golongan yang ingin diketengahkan ‘suara’nya.

Seterusnya kajian disertasi oleh Scherer (1981), yang bertajuk “From Culture to Politics: The Writings of Pramoedya A. Toer 1950-1965”, adalah mengenai karya-

karya Pramoedya Ananta Toer yang berkaitan dengan kebudayaan dan politik. Melalui kajian tersebut, beliau mendapati Pramoedya Ananta Toer menjadikan aspek kebudayaan serta persoalan berkaitan politik begitu sinonim dengan novel-novel yang dihasilkannya itu. Kajian itu juga mendapati kebolehan Pramoedya Ananta Toer untuk menggabungkan antara politik dan juga sastera. Ini menjadikan novel-novel yang dihasilkan itu membawa suara perjuangan rakyat biasa yang dipinggirkan oleh pemerintah dan penjajah. Bagaimanapun kajian tersebut hanya melibatkan karya-karya awal Pramoedya Ananta Toer yang tidak merangkumi novel-novel dalam tetralogi Buru yang dihasilkan selepas tempoh tersebut.

Kajian tentang novel Pramoedya Ananta Toer juga dilaksanakan oleh I. B. Dharma Palguna (1985) bagi tesis sarjananya yang bertajuk “Perburuan: Sebuah Analisis”. Kajian ini memperlihatkan perbezaan ketara antara struktur dan susun lapis masyarakat Jawa dengan nilai yang dipegang oleh pengarang. Peranan yang dipikul oleh golongan bangsawan atau priayi ini bertentangan dengan nilai yang dipegang oleh pengarang yang lebih cenderung kepada sentimen anti penjajah dan meletakkan kepentingan utama terhadap pendidikan bagi mengubah corak pemikiran masyarakat terhadap ketuanan pihak penjajah sama ada Barat mahupun Timur. Kajian ini juga mendapati bahawa tema kemanusiaan yang digarap oleh Pramoedya Ananta Toer mampu membangkitkan semangat masyarakat menentang penjajahan. Walaupun kajian tersebut melihat perjuangan peribumi terhadap penjajah namun fokus kajian tidak merangkumi perjuangan terhadap kekuasaan patriarki yang menebal dalam masyarakat Indonesia.

D.S. Pranata (1973), dalam kajian tesis sarjana yang bertajuk “Social Criticism in Literature: The Writing of Pramoedya Ananta Toer”, menjelaskan bagaimana sejarah dan liku-liku hidup yang dilalui oleh Pramoedya Ananta Toer berjaya membentuk kekentalan jiwa yang digarap dengan baik dalam ‘novel-novel yang telah dihasilkan olehnya. Sebagai pengarang yang berjiwa besar dan kritis, Pramoedya Ananta Toer meletakkan dirinya sebagai individu yang berada di luar dari kelompok masyarakatnya sendiri. Pengasingan inilah yang membuatkan Pramoedya Ananta Toer dapat melihat dengan mendalam dan mengupas persoalan-persoalan yang tidak pernah difikirkan oleh masyarakatnya. Kesemua faktor ini telah menghidupkan karya-karya Pramoedya Ananta Toer yang kelihatan dekat dengan kehidupan sebenar yang dilalui oleh masyarakatnya. Namun kajian tersebut tidak menekankan kepada perjuangan untuk memartabatkan wanita yang sering ditindas oleh golongan berkuasa.

Bagi A. Wahab Ali (1993) pula, Pramoedya Ananta Toer merupakan seorang tokoh pengarang yang gemar menonjolkan watak-watak wanita sebagai teraju utama yang mencorakkan karya-karyanya. Keadaan ini meletakkan Pramoedya Ananta Toer sebagai pengarang Indonesia yang lebih menonjol dalam penggunaan watak wanita sebagai tokoh yang penting dalam novelnya berbanding pengarang Indonesia yang lain. Melalui kertas kerjanya bertajuk “Imbauan Cerita-cerita Nyai dalam *Bumi Manusia*”, beliau menghuraikan bagaimana ketelitian Pramoedya Ananta Toer membentuk watak Nyai Ontosoroh dalam tetralogi *Bumi Manusia* dengan begitu baik dan berkesan sekali. Walaupun Nyai Ontosoroh hanya bermula sebagai seorang wanita biasa yang kemudiannya ‘berkahwin’ dengan seorang pegawai daripada

pihak penjajah namun kesadaran dalaman yang tinggi untuk mengangkat bangsanya sebagai bangsa yang disanjung menyebabkan Nyai Ontosoroh menjadikan pendidikan sebagai strategi paling tepat untuk memajukan dirinya. Penulis menyimpulkan bahawa Pramoedya Ananta Toer menjadikan pendidikan sebagai medium terbaik bagi menentang segala bentuk kemiskinan, penindasan, penghinaan dan cercaan yang dilemparkan ke atas bangsanya. Walaupun kajian ini menonjolkan perjuangan wanita terpinggir namun kajian tersebut hanya terbatas kepada novel *Bumi Manusia* sahaja dan di luar konteks kajian *subaltern*.

Wong Sook Koon (1995), juga dalam kajian yang berjudul “Cerita-cerita Wanita dalam Novel-novel Terpilih Pramoedya Ananta Toer: Suatu Pembacaan Feminis dan Pascakolonial”, turut memberikan tumpuan terhadap kemunculan watak-watak wanita yang diketengahkan oleh Pramoedya Ananta Toer dalam beberapa novel karya beliau seperti *Gadis Pantai* dan *Bumi Manusia*. Keadaan ini menunjukkan bagaimana keprihatinan Pramoedya Ananta Toer terhadap nasib golongan bawahan yang suara mereka dipinggirkan begitu sahaja sejak sekian lama. Watak-watak penting seperti Nyai Ontosoroh diangkat sebagai wanita yang mempunyai prinsip dan ketegasan serta mempertahankan harga diri walaupun terpaksa berhadapan dengan sistem patriarki dan juga penjajah. Walau bagaimanapun, dalam analisis dan penelitian yang dijalankan ke atas karya-karya Pramoedya Ananta Toer, Wong Sook Koon tidak menggunakan pendekatan *subaltern* di dalam kajian tersebut. Selain itu, jumlah novel yang dikajinya juga terhad kepada dua buah novel sahaja iaitu, *Bumi Manusia* dan *Gadis Pantai*.

Wong Soak Koon (2006) juga, melalui kajiannya, “Citra Wanita dalam Cerpen-cerpen Terpilih Pramoedya Ananta Toer”, menjelaskan bagaimana kecenderungan Pramoedya Ananta Toer yang lebih gemar menyetengahkan karya tentang liku-liku kehidupan golongan rakyat biasa. Cara yang digunakan oleh Pramoedya Ananta Toer adalah dengan menonjolkan tokoh wanita yang berjuang menegakkan hak mereka melalui watak-watak yang berperanan penting dalam novelnya. Pramoedya Ananta Toer juga berpendapat bahawa golongan wanita mempunyai tempatnya yang tersendiri dalam masyarakat dan tidak boleh terus dipinggirkan dan pada masa yang sama golongan wanita itu sendiri perlu peka dengan perubahan yang berlaku di sekeliling mereka. Walaupun kajian ini turut melihat watak golongan wanita yang ditonjolkan bagi menyuarakan permasalahan semasa tetapi kajian ini tidak menggunakan kajian *subaltern* dalam menganalisis cerpen-cerpen tersebut.

Novita Dewi (2013) dalam kajian yang bertajuk, “Women of Will for Nation Building in Pramoedya’s Three Early Novels”, membincangkan pemaparan watak-watak wanita yang berhati waja dengan ciri-ciri yang diinginkan oleh golongan nasionalis Indonesia tahun 1950-an. Dengan menggunakan taksiran politik dan kesusasteraan oleh Fredic Jameson sebagai kerangka teori, penulis meneliti novel-novel tersebut yang berlatarbelakangkan sejarah sosial Indonesia selepas dekad pertama kemerdekaannya. Watak-watak tersebut terdapat dalam tiga novel awal Pramoedya Ananta Toer, iaitu *Keluarga Gerilya*, *Korupsi* dan *Sekali Peristiwa di Banten Selatan*. Wanita-wanita tersebut berupaya memainkan peranan yang penting sesuai dengan suasana masyarakat pada zaman tersebut bahkan mengatasi peranan lelaki. Dapatan kajian menjelaskan bahawa kehadiran watak-watak wanita ini bukan

sahaja suatu alegori atau perlambangan bagi realiti politik Indonesia ketika itu, tetapi juga mengandung aspirasi dan matlamat yang ideal tentang bagaimana masa depan masyarakat Indonesia yang sepatutnya. Bagaimanapun, kajian ini hanya membincangkan tentang peranan wanita sebagai satu daripada penyumbang kepada pembangunan negara dan tidak menyentuh tentang perjuangan wanita terhadap kekuasaan lelaki dan penjajah dari sudut pandangan *subaltern*.

Rosmah Derak (2007), dalam kajian yang bertajuk “Penulisan Sejarah Dalam Novel Terpilih Faisal Tehrani: Satu Kajian Subaltern”, telah menggunakan kaedah “Deconstructing Historiography” ke atas tiga buah novel Faisal Tehrani iaitu novel *1515*, *151 H Kombat* dan *Surat-surat Perempuan Johor*. Melalui kajian yang dijalankan telah menemui suatu bentuk persamaan yang jelas antara ketiga-tiga novel tersebut. Persamaan tersebut ialah usaha menulis semula sejarah yang berlaku sebagai suatu bentuk penentangan baru golongan yang telah lama terjajah. Selain itu, hasil kajian ini juga membuktikan bahawa golongan *subaltern* atau golongan yang dijajah mempunyai ruang untuk bersuara dengan menggunakan medium sejarah sebagai kaedah penentangan semasa era pasca penjajahan. Memandangkan kajian tersebut mengkhusus kepada pengarang Malaysia, justeru itu, kajian yang akan diterokai oleh penulis ini akan menyusuri pula novel-novel terpilih pengarang tersohor Indonesia iaitu Pramoedya Ananta Toer bagi melihat sejauh mana dunia orang terpinggir dapat digarap melalui pendekatan *subaltern*.

Seterusnya, Jeniri Amir (2007), dalam kajiannya yang bertajuk, “Jong Chian Lai Menonjolkan Suara Golongan Terpinggir”, membincangkan mengenai kedudukan

golongan penulis bukan Melayu yang telah bertapak kukuh di hati para pembaca terutamanya di negeri Sarawak pada masa tersebut. Ini kerana kebijaksanaan mereka mengemukakan persoalan mengenai perjuangan golongan yang tertindas atau *subaltern* yang menjadi tumpuan masyarakat. Bakat dan keupayaan yang dimiliki beliau dalam menggarap persoalan, latar belakang serta perwatakan yang kelihatan hidup dan berkesan melalui susunan bahasa yang kreatif telah mengangkat dirinya sebagai pengarang yang digemari oleh masyarakat. Bakat hebat tersebut kemudiannya disokong pula dengan keprihatinan beliau terhadap nasib golongan tertindas atau *subaltern*. Contohnya, menerusi karya Jong, golongan *subaltern* yang seringkali dipinggirkan telah diangkat suara dan martabat mereka agar didengari oleh golongan pemerintah atau penjajah. Bagi Jeniri Amir pula, esei tersebut merupakan sebuah karya yang menjadikan sastera sebagai “platform” untuk mengkritik pelbagai isu yang menimpa masyarakat seperti sosial, budaya, ekonomi dan persekitaran yang terbina hasil daripada ketidakstabilan dalam masyarakat. Namun esei ini juga tidak menggunakan teori kajian *subaltern* dalam menganalisis karya-karya Jong Chian Lai.

Mohamad Saleeh Rahamad (2007), dalam kajian yang berjudul “Suara Yang Terpinggir: Wacana *Subaltern*”, telah mengupas mengenai dilema golongan terpinggir atau *subaltern* yang tidak diberi hak dan ruang untuk bersuara di bawah kekuasaan golongan elit dan penjajah. Kajian menggunakan beberapa buah cerpen menarik iaitu, *Sidang Penghuni Rimba* (Isma Saring), *Koma* (Nazri Hussein), *Namaku Madam Sara* (Muhd. Mansur Abdullah) dan *Mati Bukan Hukuman* (Aminah Mokhtar). Melalui penelitian tersebut, beliau mendapati bahawa cerpen-

cerpen tersebut berada pada aliran arus perdana dan bersifat terkini. Buktinya isu yang dibincangkan menyentuh mengenai keadilan dan kesaksamaan dengan mengembalikan hak dan suara golongan kerdil atau *subaltern* yang sekian lama hidup dalam penindasan. Esei beliau bagaimanapun tidak membincangkan karya-karya Pramoedya Ananta Toer.

Sohaimi Abdul Aziz (2007), dalam esei yang bertajuk “Dunia *Subaltern*: Suara yang Terpinggir”, telah membincangkan beberapa buah cerpen seperti *Si Laknat* (Marsli N.O.), *Candra Luka Dalam Hati* (Arena Wati), *Jauhari Si Jebat* (Raihaini Mohd. Saaid) dan *Mentua Sultan* (Fudzail). Menurut beliau, cerpen-cerpen tersebut menunjukkan dua gambaran kehidupan berbeza yang dilalui oleh golongan *subaltern* dalam usaha mereka memperjuangkan hak dan suara mereka. Ada ketikanya, suara mereka tersebut akan didengari namun lazimnya ia akan lenyap begitu sahaja. Pada masa yang sama, terdapat sebahagian daripada golongan *subaltern* yang langsung tidak mampu untuk bersuara dan mengubah keadaan tersebut kerana dibatasi oleh sistem yang melingkari hidup mereka. Keampuhan sistem tersebut telah mengundang tindakan yang melampaui norma dan batasan masyarakat setempat semata-mata bagi meletakkan kedudukan diri sendiri ke tahap yang selesa serta bebas daripada penindasan. Walau bagaimanapun, bagi sistem feudal pula, lazimnya golongan tertindas atau *subaltern* hanya pasrah dan menyerah kepada keadaan yang bukan sekadar menyekat suara malah turut menghukum mereka. Esei ini walaupun membincangkan tentang nasib golongan *subaltern* namun tidak memberikan tumpuan khusus terhadap golongan wanita yang sering diabaikan oleh mereka yang berkuasa.